


# KHAIRUL MEMANG PANTAS!

■ *The Speedy Jantan manusia terpantas Asia Tenggara selepas meraih emas acara riben biru*


KHAIRUL (kanan) terlebih dulu melintasi garisan penamat.

Aida Adilah Mat & Firdaus Hashim
sukan@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Jaguh pecut 100 meter Khairul Hafiz Jantan muncul manusia terpantas Asia Tenggara apabila memenangi emas dalam acara final riben biru itu di Stadium Nasional Bukit Jalil, malam tadi.

Khairul, 19, menamatkan perlumbaan dengan catatan 10.38 saat untuk berada di tempat pertama sekali gus menamatkan penantian 14 tahun acara itu untuk bergelar juara pecut Asia Tenggara.

Larian penuh bertenaga Khairul menewaskan juara bertahan dari Filipina Eric Cray yang melakar 10.43s untuk membawa pulang perak, manakala gangsa dimenangi atlet Thailand Kritsada Namsuwun 10.43s.

Dia yang terkenal dengan jolokan 'The Speedy Jantan' sebelum ini menggegar dunia olahraga negara apabila memecahkan rekod kebangsaan 100m milik Watson Nyambek (10.30s) selepas merakam 10.18s pada Sukan Malaysia (SUKMA) Sarawak Julai lalu.

"Ini hadiah untuk semua rakyat Malaysia. Terima kasih kepada jurulatih Mohd Poad Md Kassim dan keluarga yang memberikan sokongan.

"Emas ini sangat istimewa kerana diraih di tanah air sendiri dan saya harapkan rakyat Malaysia terus mendokan pasukan olahraga," katanya.

Untuk rekod, kali terakhir Malaysia meraih emas acara pecut adalah di Vietnam 2003 menerusi Nazmizan Muhammad yang merangkul emas berganda acara 100 dan 200m.

## OLAHRAGA

**LEMPAR CAKERA LELAKI**

| | | |
|---|---|---|
| **1. M Irfan Shamsuddin** | **(MAS)** | **58.36m** |
| 2. Narong Benjaroon | (THA) | 50.65m |
| 3. Abdul Rahman Lee | (MAS) | 44.80m |

**100M LELAKI**

| | | |
|---|---|---|
| **1. Khairul Hafiz Jantan** | **(MAS)** | **10.38s** |
| 2. Eric Shauwn Cray | (PHI) | 10.43s |
| 3. Kritsada Namsuwun | (THA) | 10.43s |


KHAIRUL (kanan) memeluk Poad.






FOTO: OSMAN ADNAN & YAZIT RAZALI

# Hadiah hari jadi terindah: Husniah

**Kuala Lumpur:** Biarpun hanya perak acara 100 meter wanita, namun pingat itu sesuatu yang cukup bermakna buat Zaidatul Husniah Zulkifli.

Kekecewaan di Singapura dua tahun lalu berjaya ditebus di tanah air sendiri apabila menduduki tempat kedua dengan catatan 11.74 saat.

Husniah tewas kepada pelari Vietnam Le Tu Chinh yang merekodkan masa 11.56s untuk emas manakala gangsa milik pelari Singapura Pereira Veronica Shanti, 11.74s.

"Saya memang terharu sangat. Pingat ini untuk semua.

"Jika nak ikutkan saya mahu bergelar ratu pecut Asia Tenggara tapi sekurang-kurangnya saya memberi sedikit hasil dan menyumbangkan perak untuk negara.

"Ini juga hadiah untuk diri saya dan hadiah paling hari jadi paling bermakna," katanya.

Ia pingat pertama negara dalam acara pecut itu selepas kali terakhir atlet Malaysia melakukannya menerusi G Shanti di Sukan SEA 1997 Jakarta apabila menyumbangn emas.

Biarpun catatan 11.74s jauh daripada catatan terbaiknya 11.45s, Husniah berkata dia tetap bersyukur terutama selepas melalui pelbagai ranjau termasuk rekod kebangsaan miliknya tidak diiktiraf.

Sementara itu seorang lagi atlet negara Siti Fatima Mohamad menamatkan aksi di kedudukan kelima, 11.83s.



HUSNIAH puas raih perak.

# Irfan mudah lempar emas

**Kuala Lumpur:** Gembira dan kecewa, dua persepsi yang diungkapkan jaguh lempar cakera negara, Muhammad Irfan Shamsuddin sejurus selepas merangkul emas ketiganya di temasya dwitahunan ini.

Dia yang beraksi dalam kesakitan berikutan kecederaan terseliuh buku lali sebelah kaki kiri mengatasi rasa itu untuk merangkul emas selepas melakukan lemparan 58.36 meter untuk menewaskan atlet Thailand Narong Benjaroon (50.65m) dan seorang lagi atlet negara Abdul Rahman Lee (44.80s).

Balingan emasnya itu turut mengatasi jarak yang dilakar di di Singapura 2015 (56.62m).

Tegasnya, pentas temasya dwitahunan itu seharusnya menjadi medan terbaik sebagai pendedahan kepada atlet bertanding namun pada kali ini hanya disertai dua negara, Malaysia dan Thailand.

"Temasya Sukan SEA yang pertama saya adalah Myanmar dan ketika itu saya dihantar untuk pendedahan. Bagi saya ini adalah medan terbaik untuk menilai prestasi.

"Memang bagus jika dapat menghantar atlet junior sebagai pelapis di masa akan datang," katanya.

Irfan seperti tidak dicabar tampak mudah menguasai lapangan apabila melakukan 55.87m pada balingan pertama, baling kedua dibatalkan, diikuti 58.36m, 56.3, balingan kelima dibatalkan dan 57.89m.

Dia langsung tidak dicabar Benjaroon apabila sekadar melakukan balingan terbaik 50.65m pada percubaan kelima.

Irfan yang akan berlepas menyertai Kejohanan Universiti Dunia di Taiwan selepas ini melaungkan keyakinan barisan rakan senegaranya mampu merealisasikan sasaran enam emas.


IRFAN puas pertahan emas dua tahun lalu.